

Bajet 2003 prihatin keperluan wanita, keluarga — Shahrizat

KOTA KINABALU 21 Sept.

— Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga menyifatkan Bajet 2003 sebagai amat prihatin kepada keperluan dan pembangunan wanita serta keluarga.

Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, kementerian itu juga amat berpuas hati dengan beberapa notisi berkaitan wanita dan keluarga yang diumumkan dalam bajet, semalam.

Beliau berkata, bajet kali ini adalah mesra wanita kerana pada keseluruhannya wanita menjadi penerima utama dalam setiap yang dirangka oleh kerajaan baik pembinaan hospital dan pemberian bonus kerana sebahagian besar kakitangan awam adalah wanita.

Katanya, keutamaan kepada ibu tunggal dalam permohonan perumahan, pusat penjagaan kanak-kanak, pendidikan anak-anak serta program teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) membuktikan kepri-

hatinan kerajaan kepada kaum wanita.

“Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang memberi tambahan bajet 68 peratus berbanding tahun ini kepada kementerian ini yang masih baru iaitu 19 bulan ditubuhkan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat pejabat Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) cawangan Sabah di Likas dekat sini, hari ini.

Dalam bajet yang dibentangkan semalam, kementerian itu diberi peruntukan RM99.1 juta pada tahun 2003 iaitu meningkat sebanyak 68 peratus berbanding tahun ini.

Dr. Mahathir ketika membentangkan Bajet 2003 di Dewan Rakyat berkata, peruntukan itu adalah untuk memberi pengiktirafan berterusan kepada peranan wanita dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Menurut Perdana Menteri, selaras dengan hasrat mengutamakan keluarga, kerajaan bersetuju menambahkan lagi cuti isteri bersalin bagi suami daripada tiga ke tujuh hari bagi meringankan urusan keluarga.

Shahrizat berkata, apa yang perlu kini ialah memastikan semangat dalam bajet itu dapat dilaksanakan dengan licin di semua agensi kerajaan yang berkenaan.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memastikan keutamaan pemberian rumah kos rendah kepada ibu tunggal yang berpendapatan kurang RM600 sebulan dapat dilaksanakan sepenuhnya dengan baik.

“Saya juga berharap pihak swasta akan mengambil peluang potongan cukai bagi perbelanjaan pendidikan hari keluarga untuk meningkatkan lagi program-program berorak kekeluargaan di syarikat masing-masing.